

16/02/2000

Kehadiran anggota BN bertambah baik

AMARAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menggugurkan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang sering ponteng menghadiri sidang Dewan Rakyat Disember lalu, ternyata disambut serius oleh semua wakil rakyat BN.

Malah, saranan itu turut mendapat perhatian serius menteri Kabinet apabila persidangan hari pertama Dewan Rakyat menyaksikan hampir semua kerusi penuh ketika sesi soal jawab pagi semalam.

Lebih 10 menteri hadir pada sesi soal jawab selama sejam itu. Antaranya, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Dr Rais Yatim.

Kehadiran hampir penuh juga dicatat oleh timbalan menteri dan setiausaha Parlimen.

Kehadiran yang cukup memberangsangkan ini turut mendapat perhatian Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) yang berkata, beliau gembira kerana selepas sekian lama ini adalah kali pertama beliau melihat begitu ramai menteri hadir pada persidangan Dewan Rakyat.

Ahli Parlimen pembangkang Barisan Alternatif serta tiga anggota PBS juga mencatat kehadiran memuaskan, kecuali Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh) tidak hadir.

Beliau juga tidak hadir pada perasmian Parlimen ke-10, semalam.

(END)